



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI
KENYATAAN MEDIA**

KERAJAAN PRIHATIN NASIB PENOREH DAN PEKEBUN KECIL GETAH

1. Kerajaan amat menyedari bahawa penoreh dan pekebun kecil getah adalah mereka yang terkesan secara langsung berikutan kemerosotan harga komoditi getah di peringkat global. Keadaan ini semakin meruncing akibat musim tengkujuh yang menjelaskan penjanaan ekonomi mereka.
2. YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad amat cakna dan prihatin dengan kesulitan yang dihadapi oleh penoreh dan pekebun kecil getah. Walaupun kerajaan menghadapi kekangan kewangan, YAB Perdana Menteri menegaskan agar agenda untuk menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah, khususnya penoreh dan pekebun kecil getah, diberi keutamaan oleh kementerian-kementerian yang berkaitan.
3. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab ke atas Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan memahami cabaran yang dilalui oleh penoreh dan pekebun kecil getah, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah berusaha gigih memperjuangkan kebajikan mereka. Melihat situasi semasa melibatkan penoreh dan pekebun kecil getah, MEA telah memperjuangkan keperluan untuk golongan sasar ini diberikan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) bagi meringankan beban yang ditanggung.
4. Melalui usaha sama yang rapat di antara MEA dan Kementerian Kewangan, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memperuntukkan RM164,783,400 bagi membayai Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) kepada 274,639 pekebun kecil getah yang berdaftar dengan RISDA. Jumlah ini meliputi 255,997 pemilik pengusaha iaitu pekebun yang mengusahakan sendiri kebun dengan keluasan tidak melebihi 2.5 hektar dan 18,642 orang penoreh bukan pemilik. Mereka akan menerima bantuan sebanyak RM600 dan akan dibayar dalam dua berperingkat; RM300 pada akhir tahun ini dan RM300 lagi pada awal tahun 2019
5. MEA beriltizam untuk terus memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan peneroka dan pekebun kecil getah bagi merealisasikan usaha pembangunan ekonomi yang inklusif.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
Menteri Hal Ehwal Ekonomi**

22 Disember 2018

---- **KENYATAAN TAMAT** ----